



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2007

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT DI SEMUA AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

LATAR BELAKANG

2. WBB telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 1 Mei 1998 dan diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun 1999. Objektif utama pelaksanaan WBB adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan memanjangkan tempoh masa perkhidmatan kepada orang awam.

3. Selaras dengan usaha penambahbaikan berterusan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, Kerajaan telah bersetuju WBB dipanjangkan kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT

4. WBB ialah satu sistem kerja dengan tiga Waktu Peringkat (WP) di mana tempoh masa Waktu Pejabat agensi Kerajaan adalah dibuka mengikut **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Tempoh Waktu Pejabat WBB

Negeri	Hari	Tempoh Waktu Pejabat (Sehari)
Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya)	Isnin hingga Khamis	9 jam
	Jumaat	7 jam 30 minit
Kedah, Kelantan dan Terengganu	Isnin hingga Khamis	9 jam
	Ahad	7 jam 30 minit

5. Bagi pejabat di negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) di mana hari Sabtu dan Ahad merupakan Hari Rehat Mingguan, Waktu Pejabat ialah dari jam 7.30 pagi hingga jam 5.30 petang. Walau bagaimanapun, pejabat akan ditutup untuk Waktu Rehat dari jam 1.00 petang hingga jam 2.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan jam 12.15 tengah hari hingga jam 2.45 petang (Jumaat) seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Waktu Bekerja Berperingkat di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin - Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 4.30 ptg
WP2	Isnin - Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.00 ptg
WP3	Isnin - Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.30 ptg

6. Bagi pejabat di negeri Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak, Waktu Pejabat ialah dari jam 7.30 pagi hingga jam 5.30 petang. Walau bagaimanapun, pejabat akan ditutup untuk Waktu Rehat dari jam 1.00 petang hingga jam 2.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan jam 11.30 pagi hingga jam 2.00 petang (Jumaat) bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala bagi negeri Sarawak ialah dari jam 11.45 pagi hingga jam 2.15 petang (Jumaat) seperti di **Jadual 3** dan **Jadual 4** berikut:

Jadual 3: Waktu Bekerja Berperingkat di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 11.30 pg	11.30 pg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
WP2	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 11.30 pg	11.30 pg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
WP3	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 11.30 pg	11.30 pg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg

Jadual 4: Waktu Bekerja Berperingkat di Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 2.15 ptg	2.15 ptg - 4.30 ptg
WP2	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 2.15 ptg	2.15 ptg - 5.00 ptg
WP3	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 2.15 ptg	2.15 ptg - 5.30 ptg

7. Bagi pejabat di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, Waktu Pejabat ialah dari jam 7.30 pagi hingga jam 5.30 petang. Walau bagaimanapun, pejabat akan ditutup untuk Waktu Rehat dari jam 1.00 petang hingga jam 2.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan dari jam 12.15 tengah hari hingga jam 2.45 petang (Ahad) seperti di **Jadual 5** berikut:

Jadual 5: Waktu Bekerja Berperingkat di Kedah, Kelantan dan Terengganu

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
	Ahad	7.30 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 4.30 ptg
WP2	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
	Ahad	8.00 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.00 ptg
WP3	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg
	Ahad	8.30 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.30 ptg

PELAKSANAAN WBB

8. WBB wajib dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara **kecuali** bagi pegawai yang tidak mengamalkan waktu pejabat biasa seperti waktu bekerja giliran.

9. Bagi menjamin keberkesanan WBB, pegawai hendaklah membuat perancangan WP dengan memilih WP1 atau WP2 atau WP3 yang sesuai setiap bulan bagi setahun dengan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN**, tertakluk kepada persetujuan Ketua Jabatan.

10. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada Waktu Rehat pegawai dengan syarat masa rehat pegawai diganti pada hari yang sama.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2007**.

PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1998 adalah **dibatalkan**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Mac 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



(NAMA KEMENTERIAN / JABATAN)

**BORANG PEMILIHAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)
BAGI TAHUN**

Nama pegawai:.....

No. Kad Pengenalan :..... Gred :.....

Bahagian/Cawangan/Unit :.....

ARAHAN

Tuan/puan adalah dikehendaki membuat pilihan Waktu Peringkat (WP) bagi bulan Januari hingga Disember Tahun dengan mengisi salah satu pilihan di dalam petak 'A' yang disediakan di bawah ini.

PETAK 'A'

BULAN	PILIHAN WP *
JANUARI	
FEBRUARI	
MAC	
APRIL	
MEI	
JUN	
JULAI	
OGOS	
SEPTEMBER	
OKTOBER	
NOVEMBER	
DISEMBER	

PETAK 'B'

BULAN	PILIHAN WP *
JANUARI	
FEBRUARI	
MAC	
APRIL	
MEI	
JUN	
JULAI	
OGOS	
SEPTEMBER	
OKTOBER	
NOVEMBER	
DISEMBER	

Saya membuat pilihan WP seperti di Petak 'A'.

Tandatangan
Pegawai :.....

Tarikh:.....

Selepas mengambil kira pilihan WP di Petak 'A', penetapan WP tuan/puan adalah seperti di Petak 'B'.

Tandatangan
Ketua Jabatan :.....

Tarikh:.....

* Sekiranya ingin mengubah WP yang telah ditetapkan, borang baru hendaklah dikemukakan bagi tujuan kelulusan Ketua Jabatan.